



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH UNTUK CADANGAN  
MENAIKTARAF TAMAN REKREASI AWAM SEMBILANG,  
SEBERANG PERAI TENGAH**

**07 APRIL 2018 (SABTU)  
9.30 PAGI**

**TAMAN REKREASI AWAM TAMAN SEMBILANG  
SEBERANG JAYA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,  
Pengurusan Lalulintas Dan Tebatan Banjir

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin (EXCO)**

Ahli Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Desa dan Kesihatan

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Komuniti-komuniti**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, saya lafazkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang penuh barakah ini dalam Majlis Pecah Tanah Untuk Cadangan Menaiktaraf Taman Rekreasi Awam Sembilang, Seberang Perai Tengah.

Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin, Ahli Majlis dan semua yang hadir kerana sudi melapangkan waktu di hujung minggu untuk bersama-sama dengan kita menjayakan Majlis Pecah Tanah ini.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saing”. Ini adalah satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, ‘stakeholders’, Kerajaan Negeri dan

warga Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan ‘*civil society*’.

Pelaksanaan cadangan menaiktaraf kawasan lapang Taman Sembilang , Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah ini telah diterima pada 2 Mac 2017 daripada Pejabat ADUN Seberang Jaya, YB Dr. Afif Bahardin Adun Seberang Perai. Cadangan naiktaraf ini adalah sejajar dengan memenuhi inisiatif kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*" sekaligus dapat memenuhi kehendak penduduk setempat. Majlis Perbandaran sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Lokasi cadangan terletak di Jalan Sembilang, Taman Sembilang, Seberang Jaya , SPT. Laluan tersebut menghubungkan Bandar Seberang Jaya dengan jaringan Lebuhraya Utara selatan (PLUS). Anggaran keluasan keseluruhan tapak cadangan adalah 3.02 ekar yang mana ianya merupakan kawasan lapang yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Kawasan tersebut berpotensi untuk dinaiktaraf kerana ianya terletak di dalam lokasi penempatan berkepadatan tinggi serta

berhampiran dengan laluan utama Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) serta ke Bandar Seberang Jaya.

Berdasarkan kepada keadaan semasa kawasan tersebut, ianya mempunyai kemudahan rekreasi asas seperti alat mainan bersepadu, wakaf, alat mainan dan sebagainya. MPSP telah mencadangkan beberapa komponen-komponen baru yang akan disediakan di kawasan lapang tersebut. Antaranya ialah:

- ⌚ Pemberian laluan pejalan kaki/paver
- ⌚ Struktur dinding konkrit (Free Standing Wall)
- ⌚ Pembinaan dataran kejat
- ⌚ Struktur arca bangku
- ⌚ Lantai konkrit longkang untuk laluan masuk
- ⌚ Papan tanda nama Taman Rekreasi Awam Sembilang
- ⌚ Papan tanda larangan
- ⌚ Penanaman pokok
- ⌚ Penanaman rumput

Kos menaiktaraf taman ini adalah berjumlah RM120,120.00 dengan menggunakan wang sumbangan menggantikan penyediaan kemudahan (kawasan tanah lapang). Tempoh pelaksanaan projek ini

adalah selama tiga (3) bulan bermula daripada 15 Mac 2018 sehingga 9 Jun 2018.

Dengan adanya Taman Rekreasi ini di kawasan Taman Sembilang dapat dijadikan kawasan riadah buat penduduk setempat. Harapan saya agar taman ini juga boleh dijadikan taman photo perkahwinan bagi pasangan yang inginkan pemandangan-pemandangan menarik. Kawasan ini dipilih memandangkan kawasan ini mempunyai sumber keindahan semula jadi yang asli dan ianya sebahagian daripada eko sistem Sungai Perai. Justeru, dengan projek naiktaraf yang kita laksanakan ini dapat memberikan satu ilham baru buat jurugambar-jurugambar dan anak-anak muda.

**YB Tuan, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Mari saya imbas sejenak, kemudahan-kemudahan rekreasi yang telah dibangunkan dalam kawasan Seberang Jaya ini ini dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu. Antaranya ialah:

- i. Jogging trek berlampa bersebelahan Sg Pertama, Seberang Jaya yang telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang

pada 18 Oktober 2017 dan fasa ke dua pemasangan telah dirasmikan pada 15 Januari 2018.

- ii. Naiktaraf pencahayaan lampu jogging trek di Taman Tunku yang telah siap dilakukan pada 30 Mac 2018 dan akan dirasmikan pada 17 April 2018 oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Kedua-dua lokasi jogging trek berlampa ini sentiasa dikunjungi oleh 500 hingga 1000 pengunjung setiap hari yang sentiasa menggunakan kemudahan yang telah disediakan di dalam kawasan ini.

- iii. *Car Free Morning* MPSP diadakan pada setiap Ahad minggu pertama setiap bulan di Seberang Jaya bermula dari jam 8.00pagi hingga 12 tengah hari. Antara aktiviti pengisian program ialah aerobik, zumba, yoga, sukan jalanan, pemeriksaan kesihatan, *busking*, persembahan kebudayaan, jualan barang *upcycle*, aktiviti kitar semula dan perkhidmatan MPSP.
- iv. Sempena *International Women's Day*, MPSP dalam Strategi *Care For Elderly* telah menyediakan kemudahan pemeriksaan

kesihatan percuma kepada warga emas. Kemudahan pengangkutan percuma telah disediakan untuk membawa warga emas untuk menjalani pemeriksaan kesihatan semasa program *Car Free Morning* di Seberang Jaya. Selain menjalani pemeriksaan kesihatan, mereka juga dibawa berjalan-jalan melihat program-program yang diadakan. Pemeriksaan kesihatan ini dibuat dengan kerjasama LPPKN dan Hospital KPJ. Untuk peringkat pertama ini, seramai 20 orang warga emas telah dibawa oleh kenderaan MPSP dan keseluruhan warga emas yang hadir adalah lebih kurang 100 orang.

- v. MPSP telah menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama di Malaysia yang mewujudkan *Upcycle Park* di Bandar Perda yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10 Mac 2018.
  
- vi. MPSP telah menyediakan laluan berbasikal sepanjang 1175 meter dengan kelebaran 1.5 meter di sepanjang Rizab Parit Monsun, Jalan Perda Barat, Bandar Perda sehingga Jalan Permatang Pauh, bersebelahan Politeknik Seberang Jaya. Laluan Berbasikal ini akan dirasmikan tidak lama lagi. Dengan

adanya laluan basikal ini dapat menggalakkan kempen “*Cycle To Work*” kepada penduduk sekitarnya.

Dengan semua usaha-usaha yang disenaraikan di atas, menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP sentiasa mementingkan kemudahan dan kepentingan masyarakat. Saya memohon agar Taman Rekreasi ini dapat dijaga dengan baik oleh penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada sebarang masalah vandalisme atau pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar penduduk setempat dapat bersama-sama menjayakan semua program Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPSP dalam menjadikan “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”. Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program ini khususnya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPSP, penduduk-penduduk dan semua hadirin dan hadirat.

Dengan ini saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah***,  
***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***  
**Sekian, terima kasih.**